



**GPP-03-PLANMalaysia@Negeri Sembilan**

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN**  
**KEMUDAHAN**  
**ISLAM**

---

**NEGERI SEMBILAN**

---

**PLANMalaysia@Negeri Sembilan**

Perancangan Melangkaui Kelaziman

*Planning : Beyond Conventional*

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)



## **Cetakan Pertama 2019**

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan.

**J U L A I 2 0 1 9**

Diterbitkan di Malaysia oleh

**PLANMalaysia@Negeri Sembilan**

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,

70646 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622

## **P E M B E R I T A H U A N**

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Islam Negeri Sembilan ini telah dipersetujui oleh **Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2019** pada **19 Februari 2019** untuk digunakan dan telah diluluskan pemakaiannya oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan** melalui **Kertas Mesyuarat No.723/2019** pada **15 Mei 2019**

Garis panduan ini menggantikan Piawaian Perancangan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam oleh JPBD Semenanjung Malaysia Edisi 2002.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang sedia ada khususnya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan umum dan khusus yang terkandung dalam garis panduan ini perlu diselaraskan dengan rancangan pemajuan (khususnya rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas) yang sedang berkuatkuasa di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan di Negeri Sembilan.

Perlu dirujuk kepada dasar-dasar, pekeliling, arahan dan piawaian-piawaian yang digubal dan dikuatkuasakan oleh PBPT kepada skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang serta garis panduan yang lain yang digubal oleh PLANMalaysia@Negeri Sembilan

JULAI 2019

## ISI KANDUNGAN

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>1.0</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2.0</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>1</b>
	2.1 Kategori Tempat Ibadat Islam	<b>2</b>
	2.2 Peranan Masjid dan Keperluan Komponen	<b>3</b>
<b>3.0</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN</b>	
	3.1 Garis Panduan Umum	<b>4</b>
	3.2 Garis Panduan Khusus	<b>6</b>
	3.3 Jenis dan Peringkat Tempat Kemudahan Islam dan Perletakkannya Mengikut Hierarki Petempatan	<b>11</b>
	3.4 Komponen Kemudahan Islam Mengikut Kategori	<b>12</b>
<b>4.0</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>13</b>

## SENARAI FOTO

<b>Foto 1</b>	Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam yang diguna pakai di Negeri Sembilan buat masa ini yang telah diluluskan oleh MMKN pada 25 September 2002	<b>1</b>
<b>Foto 2</b>	Masjid Hussain Seremban 2	<b>2</b>
<b>Foto 3</b>	Bilik Solat/Musolla, Mesa Mall, Nilai	<b>2</b>
<b>Foto 4</b>	Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan	<b>7</b>
<b>Foto 5</b>	Surau As Salam, Kampung Jiboi, Seremban	<b>7</b>
<b>Foto 6</b>	Antara Musolla untuk Pembangunan Strata di IOI City Mall, Putrajaya	<b>9</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 1</b>	Cadangan Susuan Atur bagi Bilik Solat yang Berkeluasan 46m/500kp	<b>10</b>
----------------	--	-----------

## 1.0 TUJUAN

**Garis Panduan Perancangan Kemudahan Islam Negeri Sembilan** disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri Sembilan (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan dalam mengurus dan mengawal kemudahan islam semasa penyediaan rancangan pemajuan dan semasa memproses permohonan kelulusan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pemaju dan perunding di PBT di Negeri Sembilan. GPP ini merupakan penambahbaikan dari GPP sedia ada seiring dengan keperluan pembangunan di Negeri Sembilan dari semasa ke semasa.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Semakan semula **Garis Panduan Perancangan Kemudahan Islam Negeri Sembilan** perlu bagi mengembalikan dan memperkukuhkan semula peranan dan fungsi tempat ibadat islam sebagai pusat pembangunan insan secara holistik selaras mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW dengan menjadikan masjid sebagai tempat penyebaran ilmu dan tempat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama insan.

Penyediaan masjid dan surau adalah selaras dengan peruntukan **Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan.**

Dalam konteks perancangan fizikal, penyediaan tempat ibadat islam secara teratur dan terancang adalah penting bukan sahaja untuk memberi keselesaan kepada penduduk beribadat tetapi juga untuk memastikan ianya dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar dan mematuhi prinsip-prinsip perancangan.

Selain daripada tempat menunaikan solat, kemudahan Islam juga berfungsi sebagai tempat perjumpaan dan perbincangan (syura), pusat penyelidikan dan maklumat serta pusat penerangan dan kebajikan. Bagi tujuan memakmurkan sesebuah kemudahan islam, semua pembangunan dan aktiviti hendaklah dirancang dengan rapi supaya mewujudkan suasana yang harmoni di antara semua lapisan penduduk.




Foto 1: Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam yang diguna pakai di Negeri Sembilan buat masa ini yang telah diluluskan oleh MMKN pada 25 September 2002

## 2.1 Kategori Tempat Ibadat Islam

KATEGORI	DEFINISI
MASJID	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bangunan bagi orang Islam beribadat dan sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan setempat.</li> <li>ii. Perkataan 'masjid' berasal dari perkataan Arab iaitu 'Sajd' yang merujuk kepada pengertian 'bersujud' atau 'merendahkan diri semasa bersembahyang'.</li> <li>iii. Masjid merupakan bangunan dimana solat Jumaat boleh didirikan dengan jumlah jemaah yang ramai dan boleh menampung aktiviti yang pelbagai.</li> <li>iv. Dalam konteks pentadbiran dan pengurusannya, terdapat organisasi pengurusan yang jelas dan diletakkan di bawah pihak berkuasa Agama Islam.</li> </ul>
SURAU	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau atau Musolla merupakan bangunan bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat pada skala yang lebih kecil berbanding Masjid.</li> <li>ii. Umumnya, surau atau musollah tidak didirikan solat Jumaat melainkan diberikan kebenaran oleh pihak berkuasa Agama Islam bagi negeri.</li> <li>iii. Dalam konteks pentadbiran dan pengurusannya, terdapat organisasi pengurusan yang jelas dan diletakkan di bawah pihak berkuasa Agama Islam.</li> <li>iv. Boleh sama ada disediakan di atas tanah secara perizaban atau di dalam bangunan secara strata.</li> </ul>
BILIK SOLAT/ MUSOLLA	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ruang atau tempat yang disediakan bagi kemudahan orang Islam melakukan ibadat seperti sembahyang lima waktu dan ibadah lain yang berbentuk individu yang terdapat di dalam bangunan dan kawasan tumpuan awam seperti di kompleks pasaraya, bangunan pejabat serta di kawasan rehat dan rawat di lebuh raya.</li> </ul>



Foto 2: Masjid Hussain Seremban 2




Foto 3: Bilik Solat/Musolla, Mesa Mall, Nilai

## 2.2 Peranan Masjid dan Keperluan Komponen

PERANAN	KEPERLUAN KOMPONEN
Sebagai Tempat Sembahyang Berjemaah	i. Ruang ibadat (solat jumaat, solat fardhu dan sunat)
Sebagai Sebuah Institusi, Pengajiab Keagamaan dan Pusat Sumber	i. Ruang mengaji Al-Quran ii. Tempat mengajar/ceramah agama iii. Perpustakaan/pusat sumber sebagai rujukan atau kajian dalam hal-hal berkaitan islam iv. Ruang bacaan terbuka
Sebagai Pusat Kegiatan Masyarakat, Perjumpaan Harian dan Pusat Pengumpulan	i. Tempat perjumpaan / pengurusan kegiatan masyarakat. ii. Tempat perayaan hari kebesaran islam seperti Maulidur-Rasul, Israj Mikraj, Sembahyang Hari Raya dan sebagainya. iii. Ruang terbuka untuk kutipan zakat dan lain-lain. iv. Tempat bermesyuarat dan pengumuman. v. Tempat atau ruang pengurusan jenazah. vi. Tempat perjumpaan seperti akad nikah. vii. Tempat masyarakat setempat membuat usaha-usaha kebajikan.
Sebagai Destinasi dan Istirehat	i. Keperluan tandas awam, bilik mandi dan bilik persalinan berasingan. ii. Tempat rehat bagi pengunjung yang musafir iii. Pusat jualan kecil-kecilan seperti gerai / tempat jualan peralatan iv. Keagamaan seperti keperluan menunaikan ibadah haji/umrah dan barang-barang bagi pengurusan pengkebumian v. Laluan pejalan kaki.
Sebagai Taman Landskap	i. Penyediaan taman mini dan pondok-pondok rehat ii. Bangku-bangku tempat duduk iii. Tanaman pokok-pokok hiasan iv. Kawasan lapang untuk pembesaran masa hadapan
Sebagai Tempat Tarikan Pelancong	i. Muzium kecil ii. Dewan pameran awam iii. Reka bentuk bangunan / landskap unit berciri seni bina islam yang tulen.

## 3.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN

### 3.1 Garis Panduan Umum

Garis panduan umum meliputi zon perancangan dan kelas kegunaan tanah, penerapan konsep bangunan hijau, penerapan CPTED dan juga kawalan pemajuan dan perancangan tapak seperti jadual berikut:

GARIS PANDUAN UMUM	PENERANGAN
<b>Zon Perancangan dan Kelas Kegunaan Tanah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak terikat kepada zon gunatanah kerana perlu disediakan mengikut kiraan penduduk / pengguna yang dijana.</li> <li>ii. Rizab akan dinamakan sebagai 'RIZAB KEMUDAHAN INSTITUSI KEAGAMAAN ISLAM' selaras dengan Pekeliling PTGNS Bil. 1/2015 berhubung SYARAT NYATA BARU DAN SYARAT NYATA TERSIRAT BAGI TAFSIRAN MASJID DAN PELUASAN PENGGUNAAN MASJID (Bil. 82 dlm PTG.NS 10/14 Klt 3 bertarikh 2 April 2015)</li> </ul>
<b>Penerapan Konsep Bangunan Hijau</b>	Penerapan ciri-ciri dan elemen Bangunan Hijau (Green Building Index) dalam rekabentuk selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negeri Sembilan.
<b>Panduan Pelaksanaan Pencegahan Jenayah Melalui Rekabentuk Persekitaran (CPTED)</b>	Perlu menerapkan elemen fizikal rekabentuk bangunan yang mampu mencegah kejadian jenayah selaras dengan Prinsip dan Amalan Rekabentuk Persekitaran dan Fizikal yang Selamat.
<b>Kawalan Pemajuan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada sebarang pengecualian boleh diberikan kepada syarat penyediaan tempat ibadat dalam proses permohonan kelulusan di PBT.</li> <li>ii. Sebarang kelulusan kebenaran merancang yang telah diberikan perlu dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Agama Islam bagi tindakan selanjutnya.</li> </ul>



<b>GARIS PANDUAN UMUM</b>	<b>PENERANGAN</b>
<p><b>Kawalan dan Panduan Umum Perancangan Tapak</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesesuaian Tapak: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tapak yang dicadangkan bagi maksud tempat ibadat perlulah merupakan tapak yang selamat dan mudah untuk dibangunkan tanpa melibatkan kos pembangunan yang tinggi oleh agensi pelaksana. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) hendaklah menyemak kesesuaian tapak yang diserahkan oleh pemaju; dan</li> <li>b. Bagi pemajuan yang dibuat secara berasingan dan telah ada beberapa tapak kemudahan Islam yang berhampiran, pemaju hendaklah mendapatkan kelulusan JHEAINS bagi tujuan pengecualian penyediaan tapak tersebut.</li> <li>c. Bagi pemajuan yang bukan secara serentak, tapak kemudahan Islam hendaklah diletakkan di sempadan tapak bagi memudahkan pembinaan kemudahan Islam secara berkongsi dengan lot bersebelahan.</li> </ul> </li> <li>ii. Aksesibiliti: Lokasi tapak perlulah mudah diakses dan tidak dibenarkan untuk disediakan di lokasi dibahagian hujung tapak pembangunan.</li> <li>iii. Pemeliharaan Topografi dalam Alam Semulajadi: seperti peruntukan subseksyen 21B(1) dan seksyen 35H Akta 172.</li> <li>iv. Orientasi: Tapak yang dicadangkan perlu mengambilkira arah kiblat serta merujuk kepada Pihak Berkuasa Agama Islam bagi maksud tersebut agar tapak yang dicadangkan boleh digunakan dengan optimum.</li> </ul>

### 3.2 Garis Panduan Khusus

Garis panduan khusus meliputi definisi dan takrifan, peranan dan fungsi, penduduk tadahan, hierarki, keluasan tapak, anjakan bangunan dan penyediaan tempat letak kenderaan seperti jadual berikut:

Komponen /Perkara	GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN
Definisi dan Takrifan	Mengambil kira definisi masjid, surau dan bilik sembahyang yang dibangunkan atau disediakan di dalam <b>pembangunan secara berstrata atau bertingkat atau bersepadu dengan bangunan lain.</b>
Peranan dan Fungsi	<b>Memperkuhkan semula</b> fungsi dan peranan tempat ibadat islam sebagaimana fungsi dan peranannya di Zaman Rasulullah SAW.
Penduduk Tadahan	Penduduk tadahan akan menentukan bilangan masjid dan surau yang diperlukan di sesuatu kawasan. Secara amnya, Mazhab Imam Shafie yang menjadi pegangan umat Islam di negara ini telah menetapkan supaya masjid disediakan bagi menempatkan <b>sekurang-kurangnya 40 lelaki Islam dewasa serta bermastautin di</b> sesuatu kawasan untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Sekiranya kurang 40 orang, surau hendaklah disediakan.
Hierarki	<p>Dikategorikan mengikut hierarki dan sempadan pentadbiran iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Masjid Negeri</li> <li>ii. Masjid Daerah / Jajahan /Mukim</li> </ol> <p>Dikategori mengikut hierarki pembangunan iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>i. Masjid</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Masjid (min 5000 orang)</li> </ul> </li> <li><b>ii. Surau</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surau Kategori 1 (min 100-199 orang)</li> <li>▪ Surau Kategori 2 (min 200-999 orang)</li> <li>▪ Surau Kategori 3 (min 1,000-1,999 orang)</li> <li>▪ Surau Kategori 4 (min 2,000-4,999 orang)</li> </ul> </li> <li><b>iii. Musolla</b> (ruang solat atau bilik solat) untuk pembangunan '<i>free standing building</i>' (komersial &amp; industri) <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keluasan tanah &lt;5ekar</li> <li>▪ Keluasan tanah 5-10 ekar</li> <li>▪ Keluasan tanah &gt;10 ekar</li> </ul> </li> <li><b>iv. Pusat Islam / Balai Islam</b> ( &gt;10,000 orang)</li> </ol>

Komponen /Perkara	GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN
<p><b>Keluasan Tapak</b></p>	<p><b>BAGI PEMBANGUNAN KAWASAN SECARA KONVENSIONAL (LANDED DEVELOPMENT)</b></p> <p>i. Masjid Negeri 3 -5 hektar ii. Masjid Daerah / Jajahan / Mukim 1-3 hektar</p> <p>Dikategori mengikut hieraki pembangunan iaitu :</p> <p>i. Masjid perlu disediakan seperti berikut: ▪ Masjid (min 5000 orang) – 5.0 ekar</p> <p>ii. Surau perlu disediakan mengikut kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surau Kategori 1 (min 100-199 orang) -0.25 ekar</li> <li>▪ Surau Kategori 2 (min 200-999 orang) -0.75 ekar</li> <li>▪ Surau Kategori 3 (min 1,000-1,999 orang) -1-1.9 ekar</li> <li>▪ Surau Kategori 4 (min 2,000-4,999 orang) -2-4.9 ekar</li> </ul> <p>iii. Pusat Islam / Balai Islam perlu di sediakan seperti berikut : ▪ Pusat Islam/ Balai Islam ( &gt;10,000 orang) – 7.5 ekar</p>
<p><b>Anjakan Bangunan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menghadap Jalan</li> <li>▪ Sempadan Bersama</li> </ul>	<p>Minimum 40 kaki Minimum 20 kaki</p>
<p><b>Tempat Letak Kenderaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tempat Letak Kereta (TLK)</b></li> <li>• <b>Tempat Letak Motosikal (TLM)</b></li> </ul>	<p>Anggaran bilangan tempat letak kereta yang perlu disediakan hendaklah mengambilkira jemaah yang berjalan kaki atau menaiki kenderaan.</p> <p>Keperluan tempat letak kereta dianggarkan 1 unit TLK bagi :9.3m<sup>2</sup> (100kp) ruang solat hendaklah disediakan.</p> <p>Untuk tempat letak motosikal berkunci, 1 petak motosikal bagi 15mp (161.5kp) ruang solat hendaklah disediakan.</p>



Foto 4: Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan



Foto 5: Surau As Salam, Kampung Jiboi, Seremban

<b>KOMPONEN /PERKARA</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN</b>
<b>Keluasan Tapak</b>	<p><b>BAGI PEMBANGUNAN KAWASAN SECARA STRATA / BERTINGKAT ATAU BERSEPADU (BAGI KEDIAMAN)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau perlu disediakan dengan keluasan lantai minimum 4,000 kaki persegi (372 meter persegi) yang boleh menampung jumlah jemaah 400 orang.</li> <li>ii. Setiap tambahan 200 jemaah, luas lantai tambahan sebanyak 2,000 kaki persegi diperlukan.</li> <li>iii. Surau boleh disediakan samada secara bangunan berasingan atau bersepadu dengan bangunan utama tetapi disediakan pada tingkat yang boleh diakses oleh orang awam selain penghuni tetap.</li> <li>iv. Masjid perlu disediakan dengan keluasan minimum 20,000 kaki persegi bagi menampung jumlah jemaah tidak kurang dari 1,000 orang.</li> <li>v. Masjid boleh dibina samada secara bangunan berasingan atau bersepadu dengan bangunan utama tertakluk kepada kelulusan JHEAINS.</li> </ul>

### 3.2 Garis Panduan Khusus

KOMPONEN / PERKARA	GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN ISLAM NEGERI SEMBILAN
<p><b>Keluasan Lantai Binaan</b></p>	<p><b>BAGI PEMBANGUNAN KAWASAN SECARA STRATA / BERTINGKAT ATAU BERSEPADU (SELAIN KEDIAMAN)</b></p> <p>Bagi tempat-tempat tumpuan orang ramai khusus yang melibatkan orang Islam seperti kilang, stesen minyak, pusat golf, kawasan riadah dan lain-lain yang berkaitan, perlu disediakan ruang untuk sembahyang sama ada berbentuk bilik sembahyang atau bangunan berasingan terutamanya bagi kawasan yang jauh daripada masjid atau surau sedia ada dan melibatkan kawasan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bilik solat/Musolla dengan keluasan minimum 500 kaki persegi (46 meter persegi) bagi musolla lelaki dan wanita yang disediakan secara berkongsi dan berasingan bagi <b>bangunan persendirian</b> yang boleh memuatkan sekurang-kurangnya 49 orang jemaah dewasa pada satu-satu masa.</li> <li>i. Keluasan minima tersebut tidak termasuk ruang mengambil wudhu, ruang menunggu dan kemudahan tempat menyimpan barangan seperti rak kasut, rak bahan bacaan dan lain-lain yang berkaitan.</li> <li>ii. Bilik solat/Musolla hendaklah disediakan mengikut keluasan tapak minima seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ keluasan tanah &lt;5 ekar - keluasan minima ialah 500kp / 46mp</li> <li>▪ Keluasan tanah 5-10 ekar – 51mp<sup>2</sup>-100mp</li> <li>▪ Keluasan tanah &gt;10 ekar - 100mp<sup>2</sup>-200mp</li> </ul> </li> </ol> <p>Lokasinya perlulah mudah dikunjungi dan mempunyai laluan masuk yang sesuai bagi kemudahan orang kurang upaya. Laluan masuk untuk jemaah lelaki dan wanita hendaklah berasingan.</p>





Foto 6: Antara Musolla untuk Pembangunan Strata di IOI City Mall, Putrajaya

**Rajah 1: Cadangan Susun Atur bagi Bilik Solat yang Berkeluasan 46 meter persegi /500kaki persegi.**



**BILIK SOLAT /MUSOLLA  
(keluasan minima untuk  
40 orang jemaah)**

- ❑ Pintu masuk berasingan
- ❑ Tempat wudhu yang selesa dan berasingan (5-6 paip)
- ❑ Ruangan menunggu yang selesa
- ❑ Kemudahan wudhu OKU/akses OKU hendaklah disediakan
- ❑ Kemudahan:
  - Rak sejadah/telekung
  - Rak bahan bacaan
  - Ruang penyimpanan kasut

### 3.3 Jenis Dan Peringkat Tempat Kemudahan Islam dan Peletakannya Mengikut Hierarki Petempatan

BIL.	JENIS TEMPAT IBADAT ISLAM	PERINGKAT	HIERARKI PETEMPATAN
1.	Masjid Negeri	Peringkat Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Wilayah Negara</li> <li>• Pusat Wilayah Negeri/Ibu Negeri</li> </ul>
2.	Masjid Daerah/Jajahan/Mukim	Peringkat Daerah/Jajahan/Mukim	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Separa Wilayah Negeri</li> <li>• Pusat Petempatan Utama</li> </ul>
3.	Surau/Musolla	Disediakan bagi menyokong penyediaan masjid di semua peringkat petempatan/pusat kejiranan/kampung/kawasan perumahan/bangunan-bangunan tumpuan orang ramai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Petempatan Desa</li> <li>• Pusat Kejiranan / Kampung / Kawasan Perumahan</li> </ul>

### 3.4 Komponen Kemudahan Islam Mengikut Kategori

KOMPONEN	MASJID NEGERI	MASJID DAERAH / JAJAHAN / MUKIM	SURAU / MUSALLA
Mihrab dan Ruang Sembahyang	✓	✓	✓
Bilik Persalinan, Bilik Mandi dan Tandas Awam	✓	✓	✓
Ruang Mengambil Wuduk	✓	✓	✓
Pejabat Imam dan Bilal	✓	✓	✓
Tempat Letak Kereta/Motosikal	✓	✓	✓
Kediaman Imam	✓	✓	✓
Pejabat/Stor	✓	✓	✓
Bilik Mesyuarat/Dewan	✓	✓	
Pusat Sumber /Perpustakaan Mini	✓	✓	
Bilik Bacaan/Rujukan Audio-Visual/Kaunseling	✓	✓	
Bilik Tetamu dan Asrama	✓	✓	
Ruang Gerai/Jualan Ringan	✓	✓	
Taman Mini Landskap/Pusat Riadah	✓	✓	
Ruang Pungutan Zakat	✓	✓	
Tadika Islam	✓	✓	
Sekolah Agama	✓	✓	
Makam Khas	✓	✓	
Dewan Pameran Awam/Dewan Terbuka.	✓	✓	
Keperluan Tempat Letak Kenderaan	<p>1 Tempat letak kereta untuk 9.3m<sup>2</sup> (100kp). 1 petak motosikal/15m (161 kp) ruang solat perlu disediakan.</p> <p>Untuk tempat ibadat islam yang boleh memuatkan 200 petak tempat letak kereta, 2% daripada jumlah keseluruhan hendaklah disediakan untuk OKU.</p>		



## 4.0 PENUTUP

Untuk melahirkan insan yang sentiasa mengingati kewujudan Pencipta, maka tempat ibadat Islam khusus hendaklah menjadi elemen yang penting di dalam sesuatu komponen pembangunan dari segi perletakan dan persekitaran. Ianya hendaklah menjadi syiar dan mercu tanda yang unggul sesebuah bandar atau petempatan.

Tempat yang damai di masjid, surau dan musolla membolehkan individu Islam mendekati dirinya dengan penciptaNya, tempat untuk berdoa dan i'tikaf dan tempat untuk berdampingan dengan Allah SWT melalui amalan tasbih dan zikir.

Untuk membangunkan insan dari segi ilmu dan moral, tempat ibadat Islam di Negeri Sembilan hendaklah lengkap dengan kemudahan bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kecemerlangan diri dan pelbagai aktiviti keilmuan lain yang mengarahkan kepada peningkatan ketakwaan dan keilmuan.

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**PLANMalaysia@Negeri Sembilan**

Perancangan Melangkaui Kelaziman

*Planning : Beyond Conventional*

**(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)**

**Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,**

**70646 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622**

**Laman Sesawang : <http://jpbd.ns.gov.my>**